



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 40/2024

PROGRAM KLAS RENANG DIPERLUASKAN KE PERINGKAT PARLIMEN KOTA MELAKA

1. **Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh** telah menyempurnakan **Majlis Pelancaran Program Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang) Peringkat Parlimen Kota Melaka Tahun 2024** bertempat di **RNJ Swimming Academy, Kota Laksamana, Melaka** hari ini.
2. Majlis turut dihadiri oleh **Ahli Parlimen Kota Melaka, YB Khoo Poay Tiong, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** dan **Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Encik Abd Aziz Abd Rahman**.
3. **KLAS Renang** merupakan inisiatif **KBS** menerusi **JBSN** bagi mengurangkan kadar kematian akibat lemas. Inisiatif ini telah dilancarkan pada 13 Mei 2023 dan dijalankan secara **PERCUMA** akan memberikan pendedahan kepada **kumpulan sasar berkenaan teknik asas berenang**. Berbekalkan teknik tersebut, peserta dapat meningkatkan ilmu tentang kaedah berenang yang betul dan selamat, serta mengatasi ketakutan dalam air serta mampu menyelamatkan nyawa mereka.
4. **KBS** menyambut baik hasrat **YB Khoo Poay Tiong** untuk memperluaskan jangkauan program **KLAS Renang** ini ke **Parlimen Kota Melaka**. Program yang menggunakan peruntukan Parlimen Kota Melaka ini dijalankan **dengan sokongan dan kerjasama JBSN serta Persatuan Perenang dan Jurulatih Renang Malaysia (MASWIM)**.
5. Sebanyak enam (**6**) **sesi latihan** akan dijalankan pada setiap hujung minggu **bermula 13 Julai 2024**. Peserta terdiri daripada **kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun** daripada **keluarga B40** dengan perincian seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH (ORANG)
1.	Lelaki	24
2.	Wanita	20
JUMLAH		44

6. Untuk peringkat kebangsaan, **KLAS Renang Fasa 1** telah selesai di **38 buah lokasi** seluruh negara dengan penyertaan keseluruhan seramai **1,572 orang**. Fasa ini telah berlangsung dari bulan April hingga Jun yang merangkumi **tiga (3) kategori** iaitu kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun daripada keluarga B40, orang kurang upaya (OKU) yang berumur 6 hingga 15 tahun dan warga emas yang berumur 60 hingga 75 tahun.
7. Pada masa ini, JBSN sedang menjalankan proses pemilihan peserta bagi mengikuti program **KLAS Renang Fasa 2 Tahun 2024** yang dijadualkan akan bermula pada **27 Julai 2024 di 39 lokasi di seluruh negara**. Orang ramai dijemput untuk memohon menerusi portal JBSN, www.jbsn.gov.my.
8. Semoga penganjuran KLAS Renang dapat **memperkasakan hasrat KBS** untuk **membudaya dan merakytakan sukan** selaras dengan aspirasi di bawah **Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)** dan kerangka **Malaysia MADANI**.
9. Untuk sebarang maklumat lanjut atau cadangan kerjasama, orang awam boleh menghubungi JBSN melalui talian **03-8871 3415** atau e-mel jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

13 Julai 2024